

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**Majlis Penutup dan Penyempaan Hadiah Kejohanan Sukan Antara  
Fakulti Kali Ke-12 2017**

*8 Oktober 2017 (Ahad), 5.00 petang,*

*Stadium, Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis

## **A) SALUTASI**

**Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

**Y.Brs. Dr Rosli bin Saadan**  
Pengarah Pusat Sukan, Pejabat HEP

**Pegawai-pegawai Kanan Universiti**

**Pegawai-Pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar**

**Barisan Majlis Perwakilan Pelajar**

## **Barisan Urusetia dan Sukarelawan Kejohanan**

### **Pengurus-Pengurus Pasukan Dan Para Atlet Kejohanan Sukan Antara Fakulti 2017.**

*Assalamualaikum* warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

## **B) ALU-ALUAN**

1. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksana Program yang menjayakan Kejohanan SAF yang telah pun memasuki edisi yang ke-12 pada tahun ini.
2. SAF memastikan warganya bergiat aktif dalam aktiviti kesukanan yang nyata dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan diri dari segi fizikal, mental dan disiplin di samping menjadi platform terbaik untuk mengeratkan silaturahim antara staf dan pelajar daripada fakulti yang pelbagai.
3. SAF turut menyumbang kepada usaha memupuk semangat kerja berpasukan, toleransi dan muhibah dalam kalangan pelajar UTeM.
4. Berharap agar semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh para atlet sepanjang berlangsungnya kejohanan sukan ini dapat diterapkan.

## C) PENGENALAN SAF 2017

5. SAF dilaksanakan secara dua (2) Fasa, bermula 29 September sehingga 8 Oktober 2017.
6. Seramai 2,149 atlet fakulti terlibat dengan **19 acara** sukan antaranya Bila Tampar, Bola Keranjang, Catur Campuran, Basikal, Rowing dan pelbagai lagi. **Menariknya pada tahun ini satu acara baharu diperkenalkan iaitu Memanah Campuran.**
7. **Pencapaian SAF Fasa 1** seperti berikut:

FTK	6 Emas 3 Perak 1 Gangsa
FPTT	3 Emas 1 Perak 2 Gangsa
FKM	2 Emas 3 Perak 2 Gangsa
FKP	2 Emas 2 Perak 2 Gangsa
FKE	3 Perak 2 Gangsa

FTMK            1 Perak 2 Gangsa

FKEKK          2 Gangsa

#### **D) PEMBANGUNAN SUKAN UTeM**

8. UTeM sentiasa menyokong penuh program-program kesukanan staf dan pelajar. Pelbagai penganjuran sukan telah disertai sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, antaranya:

##### **a. Karnival Sukan MASUM Fasa 1 dan 2.**

- Pencapaian: 3 Perak dan 8 Gangsa - Acara Taekwondo dan Olahraga

**b. Kejohanan Sukan Air MASUM (Rowing–Kayak) 2017**

- Pencapaian: 2 Emas 1 Perak dan 2 Gangsa dan Johan Keseluruhan Acara Rowing Wanita.

**c. Kejohanan Petanque IPT 2017**

- Pencapaian: 1 Perak - Acara Perseorangan Wanita

**d. Sukan SEA Kuala Lumpur 2017**

- Pencapaian : Petanque Campuran (Pingat Gangsa)

**e. Kejohanan China Rowing Open 2017, Harbin, China.**

- Pencapaian : Male Individual Poomsae, Tempat Ke-4

**f. Kejohanan 11th CK Classic International Open Taekwondo Championship Malaysia 2017, Kuala Lumpur**

- Pencapaian: Male Individual Poomsae, Pingat Gangsa

## D) KEMUDAHAN SUKAN

- Gelanggang Petanque, Outdoor Gym dan Track 10,000 langkah di Tasik Terbilang.
- Penggunaan Tasik Gemilang bagi aktiviti Sukan Air.
- Kemudahan Sukan di Kolej Satria : 1 Gelanggang Futsal dan 1 Gelanggang Bola Keranjang.



## E) PENUTUP

9. Kejohanan ini merupakan landasan terbaik kepada untuk mengeratkan lagi jaringan kerjasama dan komunikasi antara fakulti lain.
10. Membudayakan gaya hidup sihat cergas dikalangan pelajar
11. Mencungkil bakat-bakat baru untuk tonjol dan dapat mengharumkan nama UTeM di peringkat tertinggi.
12. Dont play to get fit but to get fit to play
13. Tahniah dan syabas buat semua.
14. Sorakan kata-kata **UTeM Cemerlang, Gemilang, Terbilang!!!**  
**Sebanyak 3 kali.**

Berkualiti rehat minda yakin,  
Semua halangan mudah dicara,  
Atlet sihat menjadi pemangkin,  
Kepada UTeM juga negara.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.* Terima kasih.